

ASMIN TABLET

Salbutamol (2mg, 4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Asmin*
2. Bagaimana *Asmin* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Asmin*
4. Cara menggunakan *Asmin*
5. Semasa menggunakan *Asmin*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Asmin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Asmin*

Untuk melegakan kesukaran bernafas dalam penyakit asma, dan keadaan-keadaan lain yang mengakibatkan halangan saluran pernafasan.

Bagaimana *Asmin* berfungsi

Salbutamol adalah ubat yang bertindak terus pada bahagian paru-paru. Ia merehatkan otot-otot paru-paru supaya dapat melegakan kesukaran bernafas dan mengurangkan halangan pada saluran pernafasan.

Sebelum menggunakan *Asmin*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jikalau ada kesan alergi kepada ubat-ubat simpatomimetik.

- Sebelum menggunakan *Asmin*

Berhati-hati jika ada penyakit jantung, termasuk kelemahan jantung dan penyakit tekanan darah tinggi, kelenjar tiroid yang terlalu aktif dan penyakit kencing manis.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat penghalang beta - Penggunaan serentak mungkin mengakibatkan pengurangan salingan kesan terapeutik. Ubat perencat monoamin oksidase (MAO) atau ubat pengawal depresi trisiklik - penggunaan bersama mungkin meningkatkan kesan tindakan salbutamol pada system saluran. Xantin atau ubat simpatomimetik lain - penggunaan bersama mungkin meningkatkan rangsangan system saraf pusat (SSP) dan kesan tagihan lain.

Cara menggunakan *Asmin*

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun: Oral, 2 to 4mg 3 atau 4 kali sehari, atau ikut arahan doktor. Jumlah dos harian tidak melebihi 32mg.

- Bila perlu digunakan

Ambil salbutamol mengikut arahan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Tanda-tanda lebih dos ialah sakit dada, tekanan darah tinggi, denyutan jantung tak teratur. Perlu dapatkan rawatan segera doktor jikalau terdapat tanda-tanda terlebih dos.

Semasa menggunakan *Asmin*

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil. Dapatkan nasihat doktor sebelum hentikan pengambilan ubat, pengurangan dos perlu dilakukan secara beransuran dalam rawatan penyakit arteri jantung.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Pengambilan ubat mestilah seperti yang diarahkan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jikalau hamil atau penyusuan semasa rawatan, atenolol tidak boleh diambil tanpa arahan doktor. Ini adalah kerana tiada maklumat mengenai risiko kepada bayi dalam kandungan.

Kesan-kesan sampingan

Loya, keresahan, denyutan jantung cepat lagi kuat dan menggeletar mungkin berlaku. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Asmin*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan dibuang dalam air sisa atau sisa buangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Asmin 2: Tablet bulat, rata dan berwarna putih.
Asmin 4: Tablet bulat, rata dan berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: salbutamol sulphate
- Bahan tidak aktif: laktos, tepung jagung, dan magnesium stearat.

- Nombor MAL

Asmin 2: MAL19900025AZ

Asmin 4: MAL19900026AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13/01/2026

Nombor siri

NPRA(R2/1)260205/00015